

24/07/2000

Sauk: Pihak dakwa sandiwara disiasat

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Ahad - Pihak berkuasa sudah memulakan siasatan terhadap pihak yang mendakwa rompakan senjata di kem tentera di Grik dan peristiwa di Sauk ekoran kejadian itu, adalah sandiwara yang dirancang Umno.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata siasatan itu bertujuan mendapatkan bukti daripada pihak yang membuat dakwaan sedemikian.

"Proses ini sedang berjalan kerana kita sudah memberi amaran yang cukup kepada mereka.

"Sama ada kita akan mengambil tindakan menggunakan Akta Hasutan, Akta Jenayah atau yang lain, terpulang kepada Peguam Negara. Apabila tiba masanya Peguam Negara akan bertindak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Larian Siberton 2000 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Ampang, hari ini.

Khamis lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran, kerajaan tidak akan teragak-agak menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap mereka yang menyebarkan fitnah, menghasut dan mendakwa kononnya peristiwa Sauk satu sandiwara.

Perdana Menteri berkata, dakwaan kononnya tindakan terhadap kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) sebagai satu lakonan Umno, tentera dan polis itu, boleh mencetuskan huru-hara yang mengancam keselamatan negara.

Rais berkata, masyarakat tidak boleh mempermain-mainkan isu yang membabitkan nyawa seperti kejadian di Grik dan Sauk itu.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan perlu memberi amaran dan mengambil tindakan terhadap mereka yang mendakwa ia adalah sandiwara kerana ia boleh dikira sebagai hasutan serta boleh menjejaskan perpaduan negara.

Beliau berkata, Akta Hasutan boleh dikenakan kepada mana-mana pihak yang mencetuskan rasa benci dan perpecahan.

"Mungkin juga mereka bertujuan menguji kerajaan. InsyaAllah kita akan bertindak dan orang yang berbuat demikian mesti bertanggungjawab terhadap apa yang dikata dan dibuat.

"Tambahan pula, negara ini mempunyai masyarakat majmuk dan tidak boleh mempermain-mainkan sentimen mengikut selera politik. Saya adalah antara orang yang mencadangkan supaya agama tidak dipolitikkan dan dipermain-mainkan hingga masyarakat berpecah.

"Jika ini berlaku, tindakan undang-undang perlu dikenakan. Jika tidak, kita dianggap cuai dalam menjalankan tugas," katanya.

(END)